

JUL - SEP
 Julai / Ogos / September

2025M
 Bil 3 • Tahun 37

Muharam hingga
 Rabiulakhir 1447H



3

**BERKENAN BERANGKAT
 KE MAJLIS DOA
 KESYUKURAN SEMPENA
 SAMBUTAN HARI
 KEPUTERAAN KDYMM KE-79**



5

**BERANGKAT MENGEPAI
 PERARAKAN SAMBUTAN
 MAULUD NABI MUHAMMAD
 SHALLALLAHU 'ALAIHI WA
 SALLAM PERINGKAT NEGARA
 TAHUN 1447H**



7

**BERKENAN
 BERANGKAT KE
 HAFLUT TAKHARRUJ
 ITQSHHB KE-13**

Berkenan Berangkat ke Majlis
 Perhimpunan Khas Wanita

9

Meningkatkan Kefahaman Dasar
 dan Perkhidmatan Agama

11

Perasmian Penubuhan
 Pusat Kemahiran Asnaf

12

Akademi Dakwah 5.0 Lahir
 Pendakwah Muda Berilmu dan
 Berakhlak Mulia

17

Dikir Maulud Imarahkan Masjid
 Seluruh Negara

19

Penganugerahan Biasiswa
 Kementerian Hal Ehwal Ugama

21

Sinar Da'wah 40 Tahun
 di Negara Zikir

22

Hulur Sumbangan bagi
 Peningkatkan Syi'ar Islam

24

Qari, Qariah Negara Selamat
 Kembali Ke Tanah Air

30

Memeduli, Meningkatkan
 Kesejahteraan Para Muallaf

32

DOA MOHON DILAPANGKAN DADA DAN DIMUDAHKAN SEGALA URUSAN

... رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي ﴿٩٥﴾ وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي ﴿٩٦﴾ وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِي ﴿٩٧﴾ يَفْقَهُوا قَوْلِي ﴿٩٨﴾

Mafhumnya:

...Ya Tuhanku! Lapangkanlah bagiku dadaku. Dan mudahkanlah bagiku urusanku. Dan lepaskanlah kekakuan daripada lidahku. Supaya mereka faham perkataanku.”

Surah Thaaha: 25-28

Lidah
Pengarang



RAJA BERDAULAT NEGARA BERKAT

Negara Brunei Darussalam di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah ikon “Raja Berdaulat Negara Berkat”.

Perkara ini dapat dibuktikan menerusi realiti kehidupan di negara ini yang memperlihatkan kemesraan antara rakyat dan raja. Hampir semua aspek kehidupan bernegara dan berbangsa di Negara Brunei Darussalam ini tidak ada yang terlepas dari keprihatinan dan pemeliharaan baginda bagi memastikan nilai-nilai moral dan ajaran-ajaran Islam yang murni dapat dilaksanakan dengan baik.

Kasih baginda kepada rakyat itulah yang mendorong limpahan kasih sayang rakyat dan penduduk di negara ini kepada baginda. Ini jelas tergambar melalui komitmen baginda untuk menjadikan negara ini kekal sebagai sebuah negara *Baldatun Thaiyibatun Warabbun Ghafur* yang berpaksikan pada ajaran agama Islam yang suci.

Inilah antara ni'mat besar yang kita perolehi di bumi Brunei Darussalam. Menunjukkan betapa baginda sangat mengasihi rakyat baginda agar rakyat berjaya bukan sahaja untuk kehidupan di dunia tetapi juga di akhirat kelak.

Sememangnya rakyat dan penduduk negara ini telah mencurahkan ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada baginda selaku ‘ulul amri’ negara ini. Ini bukan hanya satu kewajipan bahkan didorong oleh rasa kasih dan cinta rakyat jelata kepada seorang raja dan pemimpin yang sangat kasih dan mengambil berat mengenai kemaslahatan dan kebajikan rakyat baginda.

Semoga raja yang kita sayangi dilanjutkan usia, kekal karar memerintah, adil berdaulat memimpin rakyat kekal bahagia dengan petunjuk Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. *Amin Ya Rabbal 'Alamin*. ■

Anggota Redaksi

PENASIHAT: Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, *Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **PENOLONG**
PENASIHAT: Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, *Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* •
KETUA EDITOR: Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* •
PENOLONG KETUA EDITOR: Qairunnisa binti Haji Jalil, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* •
PENYELARAS: Mohamad Zeliha bin Ahad • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Hajah Ratna Wati binti
Haji Abdul Karim • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Dahlan bin Chuchu • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji
Ali Hussin • Pengiran Yusdi bin Pengiran Rumbli • Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin (SKIPPA) •
PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK: Mohamad Zeliha bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:**
Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan
Penerangan •

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN KDYMM KE-79

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersama Paduka-paduka anakanda dan adinda baginda disambut mesra oleh para jemaah di Majlis Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Hari Keputeraan KDYMM Ke-79.

KIARONG, Isnin, 18 Muharam bersamaan 14 Julai - Majlis Doa Kesyukuran, Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 lebih bermakna dengan keberangkatan baginda bercemar duli ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) sama-sama menghadirkan diri ke semua masjid, surau dan juga balai ibadat di seluruh negara bagi sama-sama menzahirkan patriotisme sebagai tanda kecintaan terhadap raja yang dikasihi terutama sekali menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM ke-79 Tahun.

Juga berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua

Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79 Tahun.

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Menteri Hal Ehwal Ugama, >> 4 Yang Berhormat Pehin m.s.



SEMBAHYANG Fardhu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syar'ie.



«3 Udana Khatib Dato Paduka m.s. Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Ke-79, Tahun 2025.

Sejurus azan Fardhu Maghrib berkumandang, KDYMM, kerabat diraja beserta para jemaah menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syar'ie.

Majlis diteruskan dengan sembahyang Sunat Hajat berjemaah bagi sama-sama memohon kesihatan, keafiatan dan kesejahteraan serta semoga NBD terhindar daripada segala bencana dan seterusnya sentiasa dikurniakan kemakmuran dan kesejahteraan.

Sebelum meninggalkan majlis, KDYMM berserta kerabat diraja



menyambut mesra dengan berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah yang hadir. Sudah menjadi kelaziman juga, setiap majlis kesyukuran ini akan mengagihkan Buku Yasin bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM setiap tahun.

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM pada tanggal

15 Julai merupakan Hari Cuti Kelepasan Awam di negara ini dan setentunya telah dirancang dengan acara-acara keraian seluruh daerah demi memeriahkan lagi Sambutan Hari Keputeraan raja yang kita kasihi. Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik, Kekal karar memerintah negara di bawah inayah Allah Subhanahu wa Ta'ala jua. Amin. ■

BERANGKAT MENGEPALAI PERARAKAN SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM PERINGKAT NEGARA TAHUN 1447H

Oleh : Dahlan Chuchu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijriah/2025 Masihi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Rabiulawal bersamaan 6 September

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengepalai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijriah / 2025 Masihi.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji

Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Awang Haji Othman; selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, selaku Pengendali Bersama; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan Timbalan Menteri

» 6 m.s.



BACAAN surah al-Fatihah beramai-ramai dan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengepalai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijriah/2025 Masihi.

«5 Kewangan dan Ekonomi m.s. (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Atur cara dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah beramai-ramai dan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Acara diteruskan dengan sembah alu-aluan daripada Menteri Hal Ehwal Ugama yang antara lain menyembahkan bahawa penasihat-penasihat dan semua peringkat Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Bertindak Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam berserta dengan kepimpinan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang mendampingi Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengendalikan bersama Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam tahun ini, iaitu Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan juga BIBD, menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyerikan perhimpunan dan seterusnya berkenan mengepalai perarakan sebanyak 95 buah pasukan yang terdiri daripada pasukan-pasukan tidak bernombor, kementerian-kementerian, Institut Pengajian Tinggi (IPT), maktab, sekolah menengah, Majlis Perundingan Kampung, takmir

masjid, persatuan-persatuan awam dan sektor swasta, yang jumlah keseluruhannya 5,557 orang.

Majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Marhaban dan bacaan Saiyidul Istighfar yang dibawakan oleh gabungan pegawai dan kakitangan daripada KHEU, MOFE, KKBS, dan BIBD.

Sebelum perarakan bermula, Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, mengepalai bacaan selawat yang menandakan perarakan dimulakan.

Perhimpunan dan perarakan turut diadakan serentak di tiga buah daerah lain.

Bagi Daerah Belait, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Peringkat Negara Tahun 1447H diadakan di Padang Bandaran,

Jalan Sultan, Kuala Belait yang dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Manakala di Daerah Tutong, sambutan seumpamanya diadakan di kawasan lapang Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong yang dihadiri oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Sementara di Daerah Temburong, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam diadakan di perkarangan Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar yang dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha. ■



BERKENAN BERANGKAT KE HAFLUT TAKHARRUJ ITQSHHB KE-13

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah semasa berkenan mengurniakan Pengurniaan Penganugerahan Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at kepada salah seorang graduan.

BERAKAS, Rabu, 17 Rabiulawal bersamaan 10 September -

Penganugerahan Diploma 'Aliyah Qira'at Al-Qur'an kepada para graduan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) adalah sebagai pengiktirafan atas kejayaan para siswa-siswi khusus dalam bidang Hafazan Al-Qur'an dan Ilmu Qira'at.

Sehubungan itu, seramai 27 graduan ITQSHHB menerima Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at mereka pada Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-13 ITQSHHB yang berlangsung di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Berangkat menyempurnakan Penganugerahan Syahadah Diploma 'Aliyah Qira'at tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Awang Haji Othman; selaku Pengerusi Lembaga ITQSHHB; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Haflut Takharruj ITQSHHB dan Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Zul Husni bin Sulaiman.

Majlis dimulakan dengan persembahan hafazan ayat-ayat suci al-Qur'an, surah al-Hujuraat, ayat 13 hingga ayat 15 dengan Riwayat Qolun dan Warsh dari Imam Nafi', Riwayat as-Susi dari Imam Abu 'Amru, bacaan Imam Hamzah dan bacaan Imam al-Kisaie, yang dibacakan oleh Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin, dan Awang Naufal Darwisy bin Abdullah, sementara inti sari ayat disampaikan oleh Awang Ahmad Hamizan @ Ahmad Aliridha bin Haji Laidin.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah >> 8
alu-aluannya, antara lain m.s.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar ramai bersama para graduan.

«7 menyebarkan, dengan m.s. lulus pengajian peringkat Diploma 'Aliyah Qira'at mereka adalah menjadi sebahagian daripada seramai 268 orang graduan yang telah lulus pengajian peringkat Diploma 'Aliyah Qira'at sejak ia diperkenalkan 15 tahun yang lalu, dan graduan-graduannya itu merupakan huffaz iaitu mereka yang hafaz 30 juz al-Qur'an dan berkelulusan yang setaraf dengan Diploma Kebangsaan (National Diploma).

Tambah Yang Berhormat, daripada sejumlah 268 orang itu bermula dari tahun 2016 hingga ke tahun 2025 ini, seramai 82 orang adalah penerima Ijazah Khas Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), yang diperakukan oleh Jawatankuasa Tasme' Kebangsaan.

Jelas Yang Berhormat lagi, dari 27 graduan pada Majlis Haflut Takharuj berkenaan, seramai 25 orang akan melanjutkan pelajaran mereka,

17 orang akan melanjutkan ke Ma'had Qira'at Shoubra, Mesir termasuk seorang penerima Sultan's Scholar dan seorang ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), lima orang antaranya adalah penerima biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sementara itu seorang lagi memilih menyertai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebagai rekrut. "Sesungguhnya, pengajian di

ITQSHHB akan terus meningkat dan berkembang. Bermula pada tahun hadapan ia akan melahirkan graduan yang kelulusannya bertaraf Diploma Tertinggi Kebangsaan dengan penaiktarafan pengajian Diploma 'Aliyah Qira'at menjadi Diploma Tertinggi 'Aliyah Qira'at sejak tahun 2023, dua tahun yang lalu," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, dengan penaiktarafan pengajiannya itu mengukuhkan lagi statusnya sebagai Institut Tahfiz yang diiktiraf sebagai Ma'had Tahfiz al-Qur'an Mithali (yang ideal), dan telah menerima anugerah berprestij tinggi bidang pengajian hafazan al-Qur'an iaitu Anugerah Antarabangsa His Majesty King Abdullah bin Abdul Aziz Al-Saud.


Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota juga berkenan mengurniakan sabda, dan setelah itu berkenan menyempurnakan

pengurniaan penganugerahan Diploma 'Aliyah Qiraat kepada 27 orang graduan, iaitu 19 orang siswa dan lapan orang siswi ITQSHHB.

Pengurniaan Syahadah Diploma 'Aliyah Qira'at kali ini terdiri daripada 10 orang penerima pangkat *Mumtaz* (Cemerlang); sembilan orang penerima pangkat *Jayyid Jiddan* (Sangat Baik); dua orang penerima pangkat *Jayyid* (Baik); dan enam orang penerima pangkat *Maqbul* (Lulus).

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar kenangan bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Haflut Takharuj ITQSHHB Kali Ke-13 serta graduan yang diraikan. ■



BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS PERHIMPUNAN KHAS WANITA

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan berserta kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

JERUDONG, Khamis, 25 Rabiulawal bersamaan 18 September

- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi, yeang berlangsung di Royal Berkshire, Tarindak D'Polo Jerudong.

Berangkat sama, paduka-paduka adinda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, *Ambassador-at-*

Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan **»10** m.s.





CERAMAH Khas bertajuk 'Rahmat Allah Menjemput Ketenangan dan Kebahagiaan' oleh Dr. Widad binti Dato' Dr. Haji Abdul Aziz.

Shallallahu 'alaihi wa sallam bagi Tahun 1447H dari KHEU, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), BIBD dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD).

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh mahasiswi Tahun Satu, jurusan Usuluddin, Universiti Al-Azhar, Mesir, Dayang Najla' Sabreena binti Haji Abdul Rajid dan merupakan johan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan Tahun 2024 dan 2025.

Dalam sembah alu-aluannya, Datin Hajah Umiyati menyebarkan bahawa Majlis Perhimpunan Khas Wanita pada Tahun 1447H ini adalah kali yang ke-32 sejak ia mula diadakan pada tahun 1416H bersamaan tahun 1995M.

Datin Hajah Umiyati menyebarkan bahawa tema sambutan pada tahun ini 'Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah' amat bertepatan dengan aspirasi kita sebagai wanita Islam dalam membina institusi keluarga yang berteraskan kasih sayang, ketenangan dan rahmat. Majlis diteruskan dengan Persembahan Dikir Marhaban daripada pegawai dan kakitangan MOFE, KKBS, BIBD dan MWNBD.

Ceramah Khas bertajuk 'Rahmat Allah Menjemput Ketenangan dan Kebahagiaan' oleh Pensyarah Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanah

Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Widad binti Dato' Dr. Haji Abdul Aziz, menyerikan lagi acara berkebakikan tersebut.

Dalam ceramahnya, Dr. Widad antara lain mengongsikan, melalui kisah ujian perjuangan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam serta huraian ulama tafsir terhadap perwatakan serta personaliti Junjungan Agung Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam, dapat difahami bahawa rahmat Allah sebagai sumber kelembutan iaitu ketenangan jiwa bukan lahir daripada keadaan sekeliling atau apa yang kita faham sebagai *self-acquired skill* tetapi daripada rahmat Allah yang memenuhi hati.

Rahmat Allah mengawal emosi iaitu menjadikan seseorang itu mengawal marah, sabar menghadapi fitnah dan tetap berlapang dada dan rahmat Allah juga melindungi daripada kesusahan jiwa dengan memberi kekuatan rohani untuk menanggungnya dengan tabah, lalu melahirkan ketenangan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pemangku Penolong Pengarah Pengajian Islam (Perkhidmatan Korporat), Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Dayang Hajah Noor Rasidah binti Haji Sharbini.

Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam bagi Tahun 1447H / 2025M dikendalikan bersama oleh KHEU, MOFE, KKBS, BIBD dan MWNBD. ■

«9 Tahun 1447H dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Pengendali Bersama; Pemangku Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi); Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin Bin Haji Abdul Hamid dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Sejurus itu, Yang Teramat Mulia berserta kerabat diraja diiringi oleh Pemangku Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Datin Hajah Umiyati binti Haji Mohammad Noor selaku Pengerusi Bersama Majlis; Penasihat-penasihat Bersama dan Pengerusi-pengerusi Bersama daripada Pengendali-pengendali Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad



MENINGKATKAN KEFAHAMAN DASAR DAN PERKHIDMATAN AGAMA

Oleh : Azizah Hidup



TETAMU kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Sesi Dialog Bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan bagi Daerah Temburong.

TEMBURONG, Selasa, 27 Muharam bersamaan 22 Julai

- Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memainkan peranan penting dalam memperkukuh kefahaman serta penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD). Selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan Wawasan Brunei 2035, KHEU terus berusaha memastikan perkhidmatan-perkhidmatan agama yang disampaikan adalah telus, relevan dan berkesan.

Bagi mencapai matlamat tersebut, KHEU meneruskan Sesi Dialog Bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan bagi Daerah Temburong yang diadakan di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong.

Sesi dialog yang berlangsung merupakan wadah penting bagi bertukar pandangan, mengenal pasti cabaran serta merangka strategi penambahbaikan terhadap perkhidmatan agama. Inisiatif tersebut juga mencerminkan komitmen kementerian dalam mendukung agenda pembangunan negara melalui perkongsian pandangan antara pihak kerajaan dan masyarakat di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, yang juga menyampaikan ucapan alu-aluan dan seterusnya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada yang hadir dalam sesi dialog tersebut.

Yang Berhormat dalam ucapannya antara lain menyatakan, objektif atau tujuan sesi dialog tersebut adalah untuk meningkatkan kefahaman tentang dasar dan perkhidmatan agama, mendapatkan *input* atau maklum balas daripada orang ramai secara langsung dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan agama, mewujudkan kerjasama antara KHEU dengan pihak-pihak yang berkepentingan, dan bagi menyelaraskan pelaksanaan program-program keagamaan yang efektif.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha

Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; serta ketua-ketua jabatan dan pegawai kanan di bawah KHEU.

Melalui sesi dialog yang diungkuhkan tersebut, KHEU berharap ia dapat memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara kerajaan dan masyarakat, memperkemas penyelarasan dasar serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan agama di peringkat akar umbi.

Sebagai kesinambungan kepada sesi berkenan, sesi dialog diteruskan ke Daerah Belait pada Sabtu, 26 Julai bertempat di Dewan Persidangan, Kuala Belait.

Sesi-sesi dialog tersebut dihasrat akan menjadi wadah yang berkesan dalam memperkukuh komunikasi dua hala antara kerajaan dan masyarakat serta mendukung pembangunan agama secara menyeluruh, progresif dan mampan di Negara Brunei Darussalam. ■

PERASMIAN PENUBUHAN PUSAT KEMAHIRAN ASNAF

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 6 Safar bersamaan 31
Julai** - Dalam memperkasa asnaf

fakir miskin melalui pembekalan ilmu pengetahuan dan kemahiran khususnya dalam bidang keusahawanan dan bimbingan perniagaan, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah menubuhkan sebuah pusat iaitu Pusat Kemahiran Asnaf.

Hadir bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Pusat Kemahiran Asnaf yang berlangsung di KHEU ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli. Terdahulu, Pemangku Pengarah JUZWAB, KHEU, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Damit dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa program berkenaan berorientasikan pelaburan dalam jangka masa panjang dengan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyempurnakan Perasmian Penubuhan Pusat Kemahiran Asnaf.

membekalkan ilmu kemahiran melalui latihan, bimbingan teknikal dan vokasional kepada asnaf fakir miskin.

Program pertama tambahnya, mula dilaksanakan pada 2007 dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pengiran Dr. Haji Amiruddin seterusnya menyatakan bahawa program baharu yang dinamakan Program Kemahiran Keusahawanan Asnaf Zakat berkenaan akan mengusahakan seramai 14 pelatih dalam kalangan penerima asnaf zakat yang akan dijalankan selama enam

bulan dengan biaya peruntukan daripada kumpulan wang zakat asnaf fakir miskin sebanyak BND138,340.

Peruntukan ini jelasnya merangkumi keperluan menjalani latihan, antaranya pemberian elaun latihan, keperluan asas pelatih, kelengkapan latihan personel untuk pelatih dan pembimbing latihan.

Majlis diteruskan dengan Sesi Menandatangani Dokumen Pengakuan Menerima Agihan Wang Zakat bagi mengikuti Program Kemahiran Keusahawanan oleh para pelatih program yang terdiri daripada penerima aktif daripada agihan zakat asnaf fakir miskin yang berdaftar di JUZWAB.

Antara objektif penubuhan Pusat Kemahiran Asnaf berkenaan adalah untuk membimbing golongan asnaf yang bergantung kepada agihan zakat agar dapat keluar daripada kepompong kemiskinan, seterusnya berupaya menjadi seorang muzakki (pembayar zakat) pada masa akan datang.

Selain itu, penubuhan pusat berkenaan juga bertujuan untuk melahirkan modal insan yang kamil



(holistik), berkemahiran tinggi, berjiwa keusahawanan, memiliki kerjaya serta berpendapatan.

Inisiatif dan matlamat berkenaan turut didukung melalui kolaborasi bersama BIBD selaku rakan kerjasama strategik yang memberikan sokongan dan komitmen tinggi dalam menerajui dan merealisasikan penubuhan Pusat Kemahiran Asnaf berkenaan serta dalam pelaksanaan Program Kemahiran Keusahawanan.



Program Kemahiran Keusahawanan bagi Kohort I Tahun 2025 disertai oleh 15 pelatih daripada golongan asnaf yang memfokuskan pembangunan kemahiran keusahawanan mereka dalam bidang kulinari dan konfeksionari. Program berkenaan dikendalikan bersama Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ), JUZWAB dengan sokongan dari BIBD.

Modul latihan berkenaan diadakan menerusi tiga fasa latihan dan pembelajaran, iaitu Fasa Latihan Teori dan Praktikal (*Work-Based Training*), Fasa Praktikal dan Mentorship Pemasaran dan Urus Niaga di Pusat Kemahiran Asnaf sebagai *Marketplace*, dan Fasa Terakhir, iaitu Evaluasi dan Pemantauan.

Di akhir program nanti, para pelatih yang dikenal pasti berkelayakan dan

berpotensi untuk menjadi usahawan akan berpeluang memohon serta dipertimbangkan bagi Skim Agihan Bantuan Modul Berusaha yang menggunakan peruntukan wang zakat, tertakluk kepada terma serta kelulusan Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat.

Turut hadir, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam; Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin; serta Ahli-ahli Jawatankuasa Mengeluarkan

Wang Zakat Majlis Ugama Islam, Pengarah Urusan BIBD, Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah BIBD, dan pegawai-pegawai kanan dari KHEU dan BIBD.

Sejak penubuhan PROPAZ pada 2007, seramai 433 peserta telah mengikuti program-program yang diungkayahkan oleh bahagian berkenaan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak BND1,085,991.20 daripada peruntukan Kumpulan Wang Agihan Zakat.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 252 peserta telah berjaya diupayakan dan tidak lagi tersenarai sebagai penerima agihan zakat. ■



BANGUNAN Pusat Kemahiran Asnaf, PROPAZ.

PELAJAR CEMERLANG DARI SEKOLAH-SEKOLAH ARAB DAN UGAMA MENERIMA PENGHARGAAN

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad

JERUDONG, Rabu, 6 Muharam bersamaan 2 Julai - Seramai 132 pelajar cemerlang dari sekolah-sekolah Arab dan ugama seluruh negara diraikan dalam satu majlis penghargaan sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang pelajar-pelajar dalam bidang akademik. Majlis anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang berlangsung di Dewan Persidangan BRIDEX, merupakan salah satu langkah ke arah menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Majlis Penghargaan tersebut adalah untuk meraikan pelajar-pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dan membanggakan dalam peperiksaan awam yang telah diduduki pada tahun 2024.

Ianya sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan sebagai insentif kepada pelajar-pelajar yang diraikan atas kecemerlangan yang dicapai, di samping sebagai motivasi kepada pelajar-pelajar lain supaya akan terus mempertingkatkan usaha dan pencapaian akademik mereka dari semasa ke semasa.



HADIR selaku tetamu kehormat di majlis penghargaan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman;

Selain itu juga, ia bertujuan membarigakan kepada masyarakat mengenai kecemerlangan akademik yang dicapai oleh pelajar-pelajar persekolahan ugama dan Arab dalam bidang-bidang agama, bahasa Arab dan umum.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Awang Haji Othman;

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh pelajar-pelajar dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Ahmad Harith Irfan bin Haji Umardani dan Shaikh Mumtaz Al-'Abqariyy bin Shaikh Muhammad Khairul Anuar. Kemudian majlis diteruskan dengan ucapan daripada Pemangku Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil selaku Pengerusi Majlis.



TETAMU Kehormat Majlis Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan penghargaan kepada penerima-penerima penghargaan pelajar cemerlang sekolah-sekolah arab dan ugama.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan '*Kalam Jamaie*' daripada pelajar-pelajar Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit, diikuti dengan penyampaian sijil dan hadiah kepada pelajar-pelajar cemerlang, guru-guru cemerlang dan *Madrasah Mutaqaddimah* disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan.



دولتکباو دلی توان قاتیق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

اَللّٰهُمَّ اَدِمَّهُ مُتَمَتِّعًا بِطَوْلِ الْبَقَاءِ مُتَوَجًّا بِبَيْجَانِ الصِّحَّةِ وَالْهُنَاءِ
اَللّٰهُمَّ اَطْلِ عُمُرَهُ مُصْلِحًا لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُ لِطَرِيقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ

WARGA PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
MENYEMBAHKAN SEMBAH TAHNIAH
SELAMAT MENYAMBUUT ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KE-79 TAHUN

KEHADAPAN MAJLIS
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Zikir

Raih Keberkatan Hidup

Perjalanan kehidupan manusia tidak selamanya berjalan selari dengan hasrat atau kehendak. Adakalanya indah dan adakalanya pula ditimpa pelbagai dugaan dan rintangan.

Namun apa yang ingin dimiliki setiap manusia ialah keberkatan dalam kehidupan. Kehidupan yang dilimpahi dengan keberkatan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* merupakan bentuk ni'mat yang patut disyukuri kerana bagi mereka yang tidak mendapat keberkatan, hidup mereka akan merasa resah dan gelisah.

Justeru itu, dalam mencari keberkatan hidup, terdapat cara yang perlu dilakukan yang sesuai berlandaskan syari'at Islam iaitu umpamanya dengan berzikir.

Zikir merupakan satu amalan yang disyariatkan dalam agama Islam. Zikir adalah perbuatan menyebut dan mengingat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Semakin banyak kita berzikir semakin banyak keberkatannya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah dengan mengingat Allah dengan sebanyak-banyaknya.

**Terjemahan makna ayat 41
Surah al-Ahzaab**

Berzikir dalam erti kata mengingat dan menghadirkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan segala keagungan-Nya di dalam hati dan menyebutnya dengan lisan dengan berbagai bentuk merangkumi tasbeih, tahmid, takbir, tahlil dan sebagainya.

Memperbanyakkan amalan zikir mempunyai fadhilat atau kelebihan yang sangat tinggi dan agung. Sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

...Dan sesungguhnya mengingat Allah adalah lebih baik (manfa'at dan kesannya) dan Allah mengetahui apa yang kamu perbuat.

**Terjemahan makna ayat 45
Surah al - 'Ankabuut**

Amalan zikir bukan hanya sekadar ibadah, tetapi juga merupakan amalan yang boleh membersihkan dan menyucikan jiwa manusia, mendekatkan diri kepada penciptanya, mencapai ma'rifat terhadap Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan sekaligus merupakan jalan untuk meraih keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

AKADEMI DA'WAH 5.0 LAHIR PENDAKWAH MUDA BERILMU DAN BERAKHLAK MULIA

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa berucap di Majlis Program Akademi Da'wah 5.0

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Safar bersamaan 3 Ogos

- Program Akademi Da'wah 5.0 terus menzahirkan komitmen Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam melahirkan generasi pendakwah muda yang bersedia menghadapi cabaran dakwah masa kini dengan ilmu, iman dan akhlak yang terpuji.

Program bertujuan melahirkan pendakwah muda yang dapat meneruskan kegiatan da'wah selaras dengan fahaman dan amalan beragama yang diajarkan di sekolah-sekolah ugama serta institusi pengajian Islam, seterusnya diamalkan dalam kehidupan seharian, keluarga, masyarakat dan peringkat negara.

Sehubungan itu, seramai 34 graduan diraikan dalam Majlis Konvokesyen Akademi Da'wah 5.0 yang diadakan di Sekolah Ugama Arab Menengah Pengiran Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampong Katok.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapannya menekankan pentingnya para peserta terus

mempertajam keupayaan da'wah mereka melalui penambahan ilmu dan pengalaman, serta mencontohi para da'ie yang telah berjaya.

Menurutnya, pendakwah masa kini perlu memanfaatkan saluran-saluran da'wah yang berkembang pesat dan mudah diakses oleh masyarakat umum, dengan berpaksikan dasar utama da'wah seperti yang disebutkan dalam Terjemahan surah an-Nahl ayat 125: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah juga yang mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk."

Akademi Da'wah 5.0 yang membawa slogan 'Berdakwah dengan Ilmu dan Iman, Berakhlak Mulia Jadi Da'ie Tauladan' telah memberikan para peserta pendedahan kepada siri pengajian, bimbingan dan latihan intensif yang memperkukuh ilmu **m.s. 18**





TETAMU kehormat majlis turut melawat pameran hasil kerja peserta Akademi Da'wah 5.0.

«17 m.s. keagamaan, membentuk keimanan, memperhalusi akhlak dan memantapkan kemahiran da'wah yang sesuai dengan keperluan masyarakat masa kini.

Majlis konvokesyen ini diadakan bagi meraikan kejayaan para peserta yang telah menamatkan keseluruhan program serta sebagai pengiktirafan terhadap peranan Akademi Da'wah dalam membentuk masyarakat berilmu, beriman dan berakhlak mulia seiring aspirasi negara.

Majlis bermula dengan bacaan surah al-Mujaadalah ayat 11 yang dipimpin oleh Awangku Muhammad Abdul Majeed Ariffin bin Pengiran Haji Md. Abdul Aziz, diikuti sesi 'ibrah oleh

Dayang Aaliah @ Siti Nur Qamariah Al Muktafibilah binti Haji Mohammad Rafee yang menekankan kepentingan menjadikan al-Qur'an sebagai panduan hidup.

Kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan disampaikan oleh Dayang Nor Najiah binti Abdullah, Timbalan Pengerusi Bersama Program Akademi Da'wah 5.0

Majlis turut menyaksikan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat sebagai tanda penghargaan di atas sokongan dan sumbangan yang diberikan.

Seterusnya, para hadirin berpeluang menyaksikan tayangan

video perjalanan program yang memaparkan pelbagai pengisian ilmu, aktiviti lapangan dan latihan da'wah sepanjang Akademi Da'wah 5.0.


Tetamu kehormat bersama para jemputan juga turut melawat pameran hasil kerja peserta yang mencerminkan kreativiti, dedikasi dan keupayaan mereka dalam menyampaikan mesej da'wah secara efektif.

Program Akademi Da'wah diharap menjadi platform berterusan dalam memperkukuh usaha da'wah Islamiah di Negara Brunei Darussalam, ke arah membentuk masyarakat yang berilmu, beriman dan berakhlak mulia. ■



DIKIR MAULUD IMARAHKAN MASJID SELURUH NEGARA

Oleh : Pengiran Yusdi Pengiran Rumbli



MENTERI Hal Ehwal Ugama bersama jemputan khas di Majlis Pembukaan Dikir Maulud bagi tahun 1447H/2025M yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 30 Safar bersamaan 24 Ogos

- Bersempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh Negara Brunei Darussalam bergema dengan alunan Dikir Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* selama 12 malam berturut-turut bermula 1 Rabiulawal 1447 Hijrah bersamaan 24 Ogos 2025 Masihi hingga 12 Rabiulawal 1447 Hijrah bersamaan 4 September 2025 Masihi.

Majlis Pembukaan Dikir Maulud bagi tahun 1447H/2025M berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong, menandakan bermulanya Majlis Dikir *Syarafil Anam* di seluruh negara.

Tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin.

Turut hadir Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran

Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan isteri; Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; serta pegawai kanan kementerian, ahli jawatankuasa dan jemaah masjid.

Majlis bertujuan memakmurkan masjid, mengimarahkan syi'ar Islam, memperingati hari-hari kebesaran Islam, serta mengeratkan hubungan silaturahim antara warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan masyarakat setempat.

Acara dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti tazkirah bertajuk 'Kelebihan Selawat' disampaikan oleh Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak, Timbalan Pengarah/Penolong Pensyarah Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Persembahan Dikir turut memeriahkan majlis, dimulai dengan Dikir *Assalamualaika* oleh Pegawai

dan Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr, diikuti Dikir *Khairuman Syambas* oleh Gabungan Pasukan Dikir Kampong Belimbing dan Kampong Subok.

Seterusnya, Pasukan Dikir Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mempersembahkan Dikir *Bishahrin*, Pasukan Dikir Yayasan Sultan Haji Hassanil Bolkiah mempersembahkan Dikir *al-Hamd*, dan Kumpulan Dikir Persatuan Perangkap mempersembahkan Dikir *Badat Kopi*.

Majlis diakhiri dengan Dikir *Asyraqal* oleh pasukan dikir Jabatan Pengajian Islam bersama Pasukan Dikir Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Doa Dikir dibacakan oleh Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah, Pegawai Hal Ehwal Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, diikuti bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

MEMPERSIAPKAN BELIA DENGAN ACUAN BERKUALITI BERPANDUKAN AL-QUR'AN, AS-SUNNAH

Oleh : Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Safar bersamaan 16 Ogos

- Belia merupakan aset yang amat berharga serta menjadi tonggak utama dalam menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa hadapan. Kepentingan belia pada sesebuah negara terletak pada peranan belia itu sendiri sebagai penggerak kepada pembangunan negara.

Pada masa yang sama, belia juga perlu dilengkapi dengan kemahiran, daya kreativiti serta keupayaan untuk berdaya saing dalam pelbagai bidang seiring dengan arus kepesatan kemajuan dunia yang kian dinamik dan penuh cabaran.

Demikian antara inti pati daripada perkongsian ilmu bertajuk 'Belia Siaga Masa Depan' yang disampaikan oleh Awangku Md. Fauzan Al-Hadey bin Pengiran Damit, pemenang Anugerah Da'ie Terbaik, Akademi Da'wah 5.0, Pusat Da'wah Islamiah (PDI),

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dari Mushalla Al-Ameen, PDI bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-194, sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025.

Acara Malam Munajat berkenaan disemarakkan oleh Ahli-ahli Kumpulan IMPAK Penggerak Belia Daerah Tutong, para peserta Akademi Da'wah 5.0, serta ahli jawatankuasa takmir dan para jemaah dari Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; Masjid Kampong Penabai, Tutong serta beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara.

Juga menyertai ialah warga kerja KHEU bersama keluarga dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin

Haji Hamdan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong, merangkap Pengerusi Kumpulan IMPAK Penggerak Belia, Daerah Tutong dari Masjid Hassanal Bolkiah.

Diikuti dengan bacaan surah al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhammad Darwisy Afiq bin Jalani, ahli Kumpulan IMPAK Penggerak Belia, Daerah Tutong dari Masjid Hassanal Bolkiah. Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), KHEU, Awang Abdul Hafiz bin Haji Abd. Kadiroshman, dari Masjid Hassanal Bolkiah.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan daripada-Nya ■

PENGANUGERAHAN BIASISWA KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



TETAMU kehormat majlis Menteri Hal Ehwal Ugama, Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; bergambar ramai bersama penerima biasiswa.

GADONG, Rabu, 10 Rabiulawal bersamaan 3 September –

Majlis Penganugerahan Biasiswa Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam mendukung kejayaan sistem persekolahan Arab dan Pengajian Tahfiz.

Penyampaian Surat Anugerah Biasiswa KHEU kepada 22 orang penerima telah disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman; yang juga hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut yang bertempat di Dewan Songket, Rizqun International Hotel.

Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil mengucapkan rasa syukur dengan adanya penganugerahan ini kerana ianya dapat menyalurkan pelajar-pelajar sekolah Arab dan Institut Tahfiz untuk meneruskan pengajian lanjutan di peringkat pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Dalam pada itu, tambah Dayang Hajah Mariana, kita turut menyedari sesuai dengan keperluan semasa,

beberapa pengemaskinian dan penambahbaikan telah dan akan terus dilaksanakan yang melibatkan proses pemilihan, perancangan keperluan dan kategori biasiswa yang ditawarkan.

Program tersebut ujarinya lagi, menekankan aspek kepimpinan yang merupakan antara perkara yang dilihat perlu ada pada setiap calon. Di samping itu, aspek pencapaian akademik khususnya pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam adalah masih menjadi kriteria utama. Semoga dengan adanya usaha-usaha ini dapat terus mengukuhkan kedudukan biasiswa ini dan apa yang penting adalah kerjasama berterusan setiap jabatan dan bahagian serta pihak berkepentingan untuk dapat memanfaatkan lulusan graduan ini sebagai hasil pelaburan kerajaan.

Seramai 15 orang pelajar akan melanjutkan pengajian peringkat sarjana muda di Universiti Al-Azhar dan Ma'had Qiraat Shoubra, Republik Arab Mesir dalam bidang Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab, dan *Takhassus Al-Qur'an Wal Qiraat*.

Manakala dua orang lagi pelajar akan melanjutkan pengajian peringkat sarjana muda ke Malaysia iaitu

seorang pelajar ke Universiti Islam Antarabangsa dalam bidang *Bachelor of Law* dan *Bachelor of Law (Syariah)* dan seorang pelajar ke Universiti Malaya dalam bidang *Bachelor of Al-Qur'an dan Al-Hadits*.

Majlis juga menyaksikan seramai lima orang pelajar menerima Biasiswa Skim Khas 'A' Level bagi melanjutkan pengajian ke Sekolah Antarabangsa Jerudong (Jerudong International School – JIS).

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dipimpin oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan dan diikuti dengan ucapan Pengerusi Majlis, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta pegawai-pegawai kanan di bawah KHEU. ■

SINAR DA'WAH 40 TAHUN DI NEGARA ZIKIR

Oleh : Dahlan Chuchu



MENTERI Hal Ehwal Ugama, ketika menyempurnakan perasmian Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI dan juga melancarkan buku 'Sinar Da'wah 40 Tahun di Negara Zikir'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Rabiulawal bersamaan 16 September - Bersempena

Sambutan Jubli Delima Pusat Da'wah Islamiah (PDI) yang ditubuhkan pada 1 Muharam 1406 Hijriah bersamaan 16 September 1985 Masihi, satu Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI telah diadakan bertempat di Lobi Utama, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi merasmikan pameran tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman;

Pameran diadakan selama dua hari dan dibukakan kepada orang ramai secara percuma.

Dengan adanya Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI ini akan dapat membawa para pengunjung untuk menjejaki sejarah penubuhan, perkembangan, pencapaian serta peranan PDI dalam usaha mengembangkan dan memperkukuhkan da'wah Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Antara segmen utama dalam pameran berkenaan terdiri dari Galeri Satu, mempamerkan 'PDI dalam Ristaan Sejarah' sekali gus menampilkan foto-foto dan dokumen lama sejak awal penubuhan.

Manakala dalam Galeri Dua mempamerkan 'Da'wah Dahulu dan Sekarang' turut melitinkan kepada para pengunjung mengenai perjalanan da'wah sepanjang empat dekad penubuhan PDI.

Galeri Tiga yang mempamerkan mengenai 'Impak Da'wah' pula

memperagakan empat dekad pencapaian yang mencerminkan usaha institusi ini dalam membentuk masyarakat beragama, berilmu dan berakhlak.

Di samping itu, pameran juga memuatkan reruai interaktif dan aktiviti kuiz spontan dengan hadiah menarik bagi para pengunjung.

Melalui pameran ini, diharap dapat memberi impak positif kepada warga PDI, menginspirasi generasi baharu untuk terlibat dalam kegiatan da'wah serta menyumbang



BUKU yang dilancarkan dalam pameran berkenaan, 'Sinar Da'wah 40 Tahun di Negara Zikir'.



SEMINAR Da'wah berlangsung sejurus saja tetamu kehormat majlis selesai merasmikan dan meninjau Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI.

kepada masyarakat, serta dijadikan sebagai pameran bergerak yang boleh diperkenalkan di pelbagai lokasi bagi meneruskan misi da'wah dan penyebaran ilmu, seterusnya menyemarakkan semangat da'wah ke seluruh pelusuk negara.

Manakala bagi Seminar Da'wah pula seramai 91 penyertaan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan, swasta, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi serta perseorangan yang akan mengikuti seminar da'wah ini.

Seminar ini antara lain bertujuan untuk mencapai beberapa objektif utama antaranya meningkatkan kefahaman masyarakat akan kepentingan gerakan da'wah kepada muslim dan non-muslim, di samping itu meneroka lebih banyak kaedah berkesan yang boleh diadaptasikan dalam perkembangan da'wah masa kini.

Sebanyak 12 kertas kerja dibentangkan sepanjang dua hari seminar diadakan. Tema seminar ialah 'Sinar Da'wah 40 Tahun di Negara Zikir: Cabaran dan Harapan'. Tema ini dibahagikan kepada lima sub-tema iaitu 'Menelusuri 40 Tahun POL'; 'Da'wah Digital'; 'Da'wah dan Belia'; 'Da'wah Kepada Non-Muslim di Pedalaman dan Bandar' dan 'Da'wah dan Personaliti Da'ie'.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, ketika menyempurnakan perasmian Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI juga berkesudian melancarkan buku 'Sinar Da'wah 40 Tahun di Negara Zikir'.

Penerbitan buku ristaan ini mendokumentasikan perjalanan dan pencapaian PDI sebagai sebuah institusi yang berperanan dalam pembangunan dan penyebaran agama Islam di NBD.

Sepanjang empat dekad penubuhannya, PDI sentiasa giat berusaha dalam memperkukuh kefahaman Islam berteraskan Ahli Sunnah wal Jama'ah Mazhab Syafi'i'e melalui pendekatan holistik dan sistematik.

Buku ini menghimpunkan sorotan sejarah penubuhan, transformasi struktur, pencapaian utama, serta inisiatif da'wah yang telah dijalankan dalam pelbagai bentuk, sama ada melalui ceramah, kursus, penerbitan, mahupun kerjasama jabatan di dalam dan luar negara.

Dalam masa yang sama, buku ini turut memuatkan pandangan dan pengalaman dari mantan pegawai PDI yang telah terlibat secara langsung dalam usaha da'wah sepanjang tempoh tersebut.

Diharap buku 'Sinar Da'wah 40 Tahun di Negara Zikir' ini dapat menjadi sumber rujukan yang berharga kepada para pendakwah, warga PDI dan masyarakat umum dalam memahami sejarah perkembangan da'wah di negara ini serta cabaran dan aspirasi di masa hadapan.

Ia juga satu manifestasi komitmen berterusan PDI dalam memartabatkan syiar Islam dalam menyatukan ummah dan menyemai nilai-nilai keislaman yang sejati dalam masyarakat ■



HULUR SUMBANGAN BAGI PERTINGKATKAN SYI'AR ISLAM

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



TETAMU kehormat majlis, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim menyampaikan sumbangan kepada penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Safar bersamaan 20 Ogos - Seiring dengan

pendekatan senegara yang mantap *Whole of Nation Approach* dalam bekerjasama dengan beberapa agensi yang berkepentingan bagi mempertingkatkan syi'ar Islam di negara ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah melalui Program Memakmurkan Masjid telah menyampaikan sumbangan kepada beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Sejumlah BND74,500 telah disumbangkan kepada sebahagian masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara khusus bagi mengadakan majlis atau aktiviti sempena Maulidur Rasul *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Majlis sumbangan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah tersebut disampaikan oleh Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku

Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sebanyak 72 masjid, surau dan balai ibadat menerima sumbangan kewangan tersebut, iaitu 28 buah di Daerah Brunei dan Muara; tujuh buah di Daerah Belait; 24 buah di Daerah Tutong dan 13 buah di Daerah Temburong. Sumbangan-sumbangan tersebut diterima oleh imam-imam masjid, surau dan balai ibadat berkenaan.

Turut hadir, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemeduliaan dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur. ■



SEMINAR DA'WAH DAN PAMERAN MENELUSURI 40 TAHUN PDI LABUH TIRAI

Oleh : Azizah Hidup



TETAMU kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyaksikan Majlis Pengislaman bagi seorang wanita berbangsa Dusun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Rabiulawal bersamaan 17 September - Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun Pusat Da'wah Islamiah (PDI) bersempena Jubli Delima PDI yang diadakan selama dua hari bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) berakhir dengan Majlis Penutup Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI bertempat di Dewan Auditorium, BKISHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Sebelum majlis penutup bermula, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyaksikan Majlis Pengislaman bagi seorang wanita berbangsa Dusun iaitu Dayang Rosnah binti Yusof. Majlis Pengislaman wanita berusia 30 tahun, itu berlangsung di reruai pengislaman di Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI, Lobi Utama, BKISHHB.

Sejurus itu, Majlis Penutup Seminar Da'wah dan Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin

oleh Pegawai Da'ie, Skim Latihan Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), PDI, Awang Abdul Muiz bin Haji Jahair.

Acara kemudiannya diikuti dengan pembentangan Sidang Pleno yang disampaikan oleh tiga ahli Sidang Pleno bertajuk 'Memperkasakan Peranan PDI di Era Digital' yang disampaikan oleh Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Sementara itu, 'Strategi Da'wah Terkini : Relevan, Realistik dan Responsif' pula disampaikan oleh Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif, MyGuide Malaysia, Negeri Sabah, Malaysia, Yang Berbahagia Haji Nicholas Sylvester @ Muhammad Abdullah.

Manakala, pembentangan 'Strategi Da'wah Terkini di Kalangan Non-Muslim' pula dibentangkan oleh Presiden Persatuan Dayak Muslim,

Kalimantan Barat, Republik Indonesia, Yang Terhormat Ustaz Muhammad Damanhuri SHI.SH.M.PD.

Penganjuran Seminar Da'wah berkenaan diharap dapat memberi manfaat dalam meningkatkan kualiti gerakan da'wah khususnya di PDI serta mendorong perkembangan da'wah di negara ini seiring dengan keperluan semasa.

Begitu juga dengan Pameran Menelusuri 40 Tahun PDI diharap dapat memberi impak positif kepada warga PDI, menginspirasi generasi baharu untuk terlibat dalam kegiatan da'wah serta menyumbang kepada masyarakat, di samping dijadikan sebagai pameran bergerak yang boleh diperkenalkan di pelbagai lokasi bagi meneruskan misi da'wah dan penyebaran ilmu, seterusnya menyemarakkan semangat da'wah ke seluruh pelusuk negara. ■



SEMBAHYANG SUNAT GERHANA BULAN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



SEMBAHYANG sunat berjemaah turut dihadiri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Rabiulawal bersamaan 8 September - Gerhana merupakan suatu kejadian yang memperlihatkan keagungan dan kebesaran Allah Subhanahu wa Ta'ala yang berlaku pada matahari dan bulan sebagai tanda atau bukti kekuasaan-Nya, sepertimana terjadinya siang dan malam.

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam menganjurkan umat Islam supaya melakukan perkara-perkara berkebajikan seperti bersembahyang, berdoa, berzikir, bersedekah dan beristighfar apabila berlakunya gerhana.

Perkara tersebut merupakan antara kandungan khutbah khas sempena fenomena gerhana bulan yang berlaku.

Menurut khatib, apabila berlakunya gerhana, umat Islam seharusnya

menjadikannya sebagai iktibar dan pengajaran untuk meningkatkan kesedaran diri agar sentiasa mengingati kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu wa Ta'ala serta memohon ampun kepada-Nya dan bertaubat atas segala dosa yang telah dilakukan.

Berikutan fenomena tersebut, seluruh masjid, surau dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam mengadakan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan.

Di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, sembahyang Sunat Gerhana Bulan berjemaah telah diimamkan oleh Imam Tingkat I, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Mohamad Hasnal bin Haji Mohamad. Manakala Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat telah menyampaikan khutbah khas sempena gerhana tersebut.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; serta para pengarah, pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU dan Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan serta penduduk-penduduk yang tinggal di sekitarnya. ■

Ayat Al-Qur'an Untuk Pendinding Diri

الَمْ ۝ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۝
الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ۝
وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ
وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ۝ أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ
وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۝

Mafhumnya:

Alif Lam Miim. Itulah Kitab (al-Qur'an) yang tidak ada keraguan padanya. Ia adalah sebagai petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa. Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara ghaib (yang tidak kelihatan oleh mereka seperti hari Kiamat, syurga dan neraka), dan mereka mendirikan sembahyang (dengan sempurnanya) dan membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka. Dan orang-orang yang beriman dengan apa yang diturunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad iaitu al-Qur'an) dan (beriman pula dengan) apa yang diturunkan kepada nabi-nabi yang terdahulu daripadamu (iaitu Taurat, Injil dan Zabur) dan mereka penuh yakin (adanya) hari Akhirat. Mereka itulah yang beroleh hidayat daripada Tuhan mereka. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan.

Surah al-Baqarah ayat 1-5



KECINTAAN KEPADA RASULULLAH SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM

Alhamdulillah, kita sekarang berada di bulan Rabiulawal, bulan yang penting dalam sejarah Islam iaitu bulan kelahiran Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, insan yang sangat mulia di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan kita supaya mencintai dan mengasihi Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dengan mengikut sunnah yang dibawa oleh baginda. Salah satu cara kita menunjukkan rasa cinta dan kasih kita kepada baginda ialah dengan membanyakkan bacaan selawat. Bacaan selawat itu sekurang-kurangnya

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ .

Selawat disunatkan untuk dilafazkan pada bila-bila masa sahaja tanpa mengira waktu dan bukan hanya dilafazkan dan dibanyakkan pada waktu tertentu khususnya di bulan Rabiulawal ini sahaja. Banyak ganjaran yang diperolehi dengan berselawat ini di antaranya ialah:

- Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan berselawat (memberi rahmat, cahaya dan ganjaran) kepada orang yang berselawat.
- Mendapat syafaat Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* di akhirat kelak.
- Setiap selawat diangkat baginya 10 darjat dan dicatatkan baginya 10 kebajikan serta dihapuskan daripadanya 10 kejahatan.

Bersempena bulan yang mulia ini, umat Islam di seluruh dunia memperingati hari kelahiran junjungan besar kita Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dengan mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kita di Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan memperingati kelahiran Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dengan menganjurkan berbagai acara keagamaan seperti Majlis Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat di seluruh negara. Mudah-mudahan selawat yang kita baca dengan rasa kasih sayang itu akan beroleh syafaat daripada baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Sesiapa yang taat kepada Rasulullah maka sesungguhnya dia telah ta'at kepada Allah, dan sesiapa yang berpaling (daripada ketaatan itu) maka (janganlah engkau berdukacita wahai Nabi Muhammad) kerana Kami tidak mengutus engkau untuk menjadi pemelihara mereka (daripada melakukan kesalahan).

PELANTIKAN JAWATANKUASA TAKMIR MASJID KAMPONG KERIAM

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

TUTONG, Ahad, 13 Rabiulawal bersamaan 6 Julai - Mengimarahkan masjid adalah amanah mulia yang mana tanggungjawab ini dipikul bersama oleh pegawai masjid, jemaah dan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid.

Pelantikan AJKT Masjid bertujuan untuk menyokong pengurusan sesebuah masjid dalam melaksanakan pelbagai aktiviti dan majlis keagamaan demi meraih keberkatan, kerahmatan dan keredaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.



SETIAUSAHA Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim yang seterusnya menyempurnakan penyerahan surat lantikan kepada salah seorang penerima.

Sehubungan itu, Majlis Membaca surah ar-Rahman dan surah al-Waqiah bersempena dengan Sambutan Ilal Hijrah 1447 anjuran AJKT Masjid Kampung Keriam yang juga diselajurkan dengan Acara Penyerahan Surat Lantikan kepada AJKT Masjid Baharu bagi Sesi 2025 - 2027 diadakan di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim yang seterusnya menyempurnakan penyerahan surat lantikan tersebut kepada seramai 43 AJKT Masjid Baharu bagi Sesi 2025 - 2027.

Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah merupakan salah seorang penerima lantikan AJKT Masjid Kampung Keriam bagi Sesi 2025 - 2027 selaku Penasihat.

Terdahulu, bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan surah ar-Rahman dan surah al-Waqiah beramai-ramai diketuai oleh pelapis Bilal Masjid Kampung Keriam, Awang Nur Asmawi bin Awang Asli.

Acara diteruskan dengan penyampaian surat lantikan kepada AJKT Masjid yang baharu dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Bilal Tingkat II Masjid Kampung Keriam, Awang Haji Khallidden bin Haji Mohamad Jamil.

Majlis seumpama ini bukan sahaja memperkukuhkan lagi jalinan silaturahim dalam kalangan AJKT dan jemaah masjid, malah menjadi wadah untuk menghayati nilai-nilai keagamaan yang menjadi tonggak kemakmuran sesebuah masyarakat.



BERGAMBAR ramai Ahli Jawatan Kuasa Takmir masjid bersama tetamu kehormat.

QARI, QARIAH NEGARA SELAMAT KEMBALI KE TANAH AIR

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



PESERTA qari dan qariah bersama rombongan sejurus tiba daripada menyertai Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Ke-65 di Kuala Lumpur, Malaysia.

BERAKAS, Isnin, 17 Safar bersamaan 11 Ogos - Peserta qari dan qariah Negara Brunei Darussalam iaitu Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili dan Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat yang telah menyertai Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Ke-65 dari 2 Ogos hingga 9 Ogos 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia telah selamat kembali ke Negara Brunei Darussalam.

Kepulangan peserta qari dan qariah negara diiringi oleh Awang Haji Abd. Hafeiz bin Haji Nuh, Pembimbing Tajwid dan Fasahah yang juga merangkap Pengurus Rombongan dan Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman, Pembimbing Suara serta Lagu dan Datin Hajah Umiyati binti

Haji Mohammad Noor, Pegawai Pengiring Perempuan.

Hadir bagi mengalu-alukan kepulangan rombongan berkenaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama serta para Pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dalam pertandingan tersebut, kedua-dua wakil negara telah meraih tempat kelima. Awang Ahmad Zulwaqar mencatat markah sebanyak 89.51 peratus, manakala Dayang Amal

Nazirah memperoleh markah 85.25 peratus.

Doa Selamat dan Kesyukuran telah dibacakan oleh Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, peserta qari, sebagai tanda syukur kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atas keselamatan perjalanan pergi dan balik rombongan serta atas pencapaian yang diraih peserta qari dan qariah negara dalam mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam di persada antarabangsa. ■

HARI TERBUKA ITQSHHB

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Muharam bersamaan 9 Julai

- Hari Terbuka Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bertujuan untuk memperkenalkan ITQSHHB kepada orang awam sebagai pusat pengajian al-Qur'an yang berperanan melahirkan para huffaz al-qur'an yang bukan sahaja mahir dalam hafazan ayat-ayat suci al-Qur'an tetapi juga berpotensi menceburi bidang Pengajian Islam, Sains dan Teknologi.

Hari terbuka yang diadakan selama dua hari, bermula Rabu dan Khamis, 9 dan 10 Julai 2025 tersebut adalah bersempena Pengambilan Pelajar Baharu Peringkat Menengah Tahun 7 bagi Sesi Pengajian 2026 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada pelancaran hari terbuka tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Turut hadir, timbalan-timbalan pengetua institut serta jemputan



HADIR selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim pada pelancaran hari terbuka tersebut.

khas, pengetua dan guru besar sekolah Arab, para pegawai, guru dan kakitangan serta rombongan pelajar sekolah jemputan.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Awang Mohd. Shah Abdul Afandi bin Muhd. Sahari, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Zul Husni bin Haji Sulaiman dan pelancaran hari terbuka berkenaan bertempat di Dewan Serbaguna, Blok Asrama ITQSHHB oleh tetamu kehormat majlis.

Tetamu kehormat majlis kemudiannya melawat ke petak-petak pameran yang dimeriahkan lagi dengan aktiviti-aktiviti di mushalla dan perpustakaan serta jualan mini bazar di pekarangan institusi berkenaan.

Rombongan pelajar untuk hari terbuka tersebut dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama melibatkan 251 pelajar dan 31 pengawas daripada dua buah sekolah Arab dan 10 buah sekolah rendah kerajaan serta swasta. ■



MEMEDULI, MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN PARA MUALLAF

Oleh : Dahlan Chuchu



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh bergambar ramai bersama Pegawai-pegawai Kanan Pusat Da'wah Islamiah dan penerima-penerima bantuan.

TUTONG, Selasa, 25 Safar bersamaan 19 Ogos - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah, Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Tutong terus menunjukkan keprihatinan dan komitmen dalam membantu para muallaf yang memerlukan sokongan bagi menjalani kehidupan seharian agar lebih baik dan selesa.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bantuan Berupa Enjin Penjana Elektrik diadakan di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan peralatan tersebut ialah Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bantuan disampaikan kepada tiga muallaf, iaitu Awang Mohammad Sahaidi bin Abdullah @ Loo Pong/ Lim Tong; Awang Mohd. Asrah bin Mohd. Haslin @ Asrah anak Nawing dan Awang Muhammad Thaliah bin

Abdullah Geruntang @ Thalib bin Geruntang.

Majlis seumpama ini merupakan salah satu inisiatif Pusat Da'wah Islamiah dalam usaha berterusan untuk memeduli dan meningkatkan kesejahteraan para muallaf di Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama, Awang Haji Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah juga selaku Pengerusi Majlis; Awang Haji Azman bin Haji Musa, Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama

Tutong; Ketua Kampong Tanjong Maya; Pemangku Ketua Kampong Rambai dan Pemangku Ketua Kampong Long Mayan, Tutong.

Majlis bermula dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat dan seterusnya demonstrasi cara pengendalian enjin penjana elektrik kepada para penerima serta sesi bergambar ramai. ■



JOHAN QARI DAN QARIAH MUSABAQAH MEWAKILI NEGARA KE MAJLIS TILAWAH AL-QUR'AN ANTARABANGSA

Oleh : Azizah Hidup



ROMBONGAN peserta wakil negara ke Majlis Tilawah Al-Qur'an Antarabangsa, Kuala Lumpur.

BERAKAS, Selasa, 7 Rabiulawal bersamaan 29 Julai - Dua peserta Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menyertai Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Kali Ke-65 yang akan berlangsung dari 2 hingga 9 Ogos 2025.

Wakil bagi qari ialah Johan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan I446H/2025M, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili. Sementara itu, wakil qariah ialah Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat, pemenang tempat ketiga dalam musabaqah yang sama.

Penyertaan tersebut merupakan penampilan sulung mereka di pentas antarabangsa. Rombongan NBD turut

disertai oleh Awang Abdul Hafeiz bin Haji Nuh Al-Hafiz, Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman dan Datin Hajah Umiyati binti Haji Mohammad Noor.

Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa tersebut merupakan acara tahunan yang telah disertai oleh NBD lebih 50 kali sejak penyertaan awal.

Pemilihan wakil pada tahun ini dibuat berdasarkan pencapaian cemerlang mereka dalam Musabaqah Membaca Al-Qur'an Peringkat Akhir Kebangsaan I446H / 2025M yang berlangsung dari 22 hingga 24 April 2025 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Penyertaan qari dan qariah NBD tersebut bukan sahaja menjadi peluang untuk mengasah kebolehan

di peringkat antarabangsa, tetapi juga platform untuk menilai tahap bacaan dan hafazan mereka serta mempertingkatkan mutu persembahan.

Ini merupakan antara usaha berterusan negara dalam memperkasa syiar Islam melalui penghayatan dan pembacaan al-Qur'an di persada dunia.

Kedua-dua peserta tersebut diharap akan berjaya mempersembahkan bacaan terbaik dan mengharumkan nama NBD di peringkat antarabangsa. ■

MEMPERKUKUHKAN KEFAHAMAN DAN SEMANGAT DA'WAH

Oleh : Pengiran Yusdi Pengiran Rumbli



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh semasa menyampaikan perkongsian berda'wah di Bicara Bermanfaat, Akademi Da'wah 5.0

PULAIE, Ahad, 17 Muharam bersamaan 13 Julai - Sesi keempat Akademi Da'wah 5.0 diteruskan lagi dengan Bicara Bermanfaat bersama Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, yang membawa mesej mendalam berkenaan tanggungjawab da'wah dalam konteks semasa.

Kehadiran beliau bukan sahaja membakar semangat para peserta, malah memberi suntikan ilmu dan wawasan yang bernilai tinggi. Sesi ini turut memberi peluang kepada beliau untuk menyampaikan inspirasi, berkongsi pengalaman peribadi dan memberikan galakan kepada para peserta agar terus teguh menyebarkan risalah Islam dengan penuh hikmah, sabar dan ketekunan.

Para peserta diberikan ruang untuk berdialog secara langsung, menjadikan sesi tersebut lebih interaktif dan bermakna.

Sebelum itu, sesi pagi peserta dimulakan dengan Sesi 'Sobahulkheir Da'ie', sebuah pengisian santai tetapi bermakna yang menghimpunkan peserta dalam suasana rohani penuh keinsafan.

Sesi ini bertujuan menyegarkan kembali niat dan memperkukuhkan

kefahaman terhadap matlamat da'wah, di samping meniupkan semangat perjuangan dalam jiwa seorang da'ie muda.

Peserta diberi ruang untuk berkongsi suara hati, menzahirkan harapan serta membina azam agar kekal istiqamah dalam menyampaikan mesej Islam dengan jujur dan berkesan.

Program diteruskan dengan sesi Maklum Balas & Curhatan Dalam Kumpulan, yang menjadi wadah kepada para peserta meluahkan perasaan, berkongsi pengalaman serta memberikan cadangan membina terhadap perjalanan Akademi Da'wah 5.0.

Perkongsian dalam kumpulan kecil ini membuktikan keberkesanan pendekatan program yang bukan sahaja memberi pengisian intelektual, malah menyentuh aspek emosi dan spiritual.

Sebagai penutup, sesi ke-4 ini berjaya mencapai objektif utamanya dalam memperkukuhkan kefahaman dan semangat da'wah para peserta. Melalui gabungan pengisian rohani, perkongsian ilmu dan dialog interaktif, para peserta bukan sahaja dididik dari segi intelektual, malah turut dibina dari segi jiwa dan akhlak.

Harapan besar diletakkan agar setiap individu yang terlibat dapat membawa pulang nilai-nilai positif ini, sekali gus menjadi agen perubahan yang mampu menyebarkan cahaya Islam dengan penuh hikmah dan keikhlasan.

Dengan berakhirnya sesi ini, Akademi Da'wah 5.0 semakin meneguhkan peranannya sebagai platform yang holistik dalam melahirkan pendakwah yang berkualiti dan berwibawa.

Semoga segala usaha dan pengorbanan yang dicurahkan akan diberkati Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan menjadi amal jariah yang berpanjangan. ■



ANTARA peserta - peserta yang mengikuti sesi Akademi Da'wah 5.0 pada kali ini.

GALAK BELIA BERDAKWAH DENGAN MENARIK, TEPAT DAN BERKESAN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



PENOLONG Pengarah Pusat Da'wah Islamiah menyampaikan cenderahati kepada tetamu kehormat majlis.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Safar bersamaan 17 Ogos - Belia Muallaf Asy-Syahadah di bawah naungan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama menganjurkan Program Masjid Tour Ke-2 Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Tetamu kehormat majlis ialah Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew, Pengarah Urusan Brunei Gas Carriers Sdn. Bhd.

Program Masjid Tour Ke-2 Tahun ini adalah bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah, diikuti dengan sesi menandatangani papan tanda (signage) dan penyampaian cenderahati.

Para pengunjung kemudian dibawa melawat sekitar masjid termasuk ruang utama sembahyang, tempat berwudhu' serta beberapa sudut khas seperti *Kid's Corner*, *Hijab dan Sarong Corner*, *Jawi Corner*, *Khat Corner*, *Al-Qur'an Corner* dan *'Spoken Barakah: Hidden Words We Say' Corner*.

Program Masjid Tour yang berunsurkan program muhibah kepada para pelancong, khususnya pelancong bukan beragama Islam merupakan salah satu metodologi da'wah dan produk pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

Beberapa buah masjid di negara ini berpotensi menjadi tempat tarikan



pelancong sama ada yang beragama Islam mahupun *non-muslim* dari dalam dan luar negara.

Antara masjid yang sering menjadi tumpuan pelancong ialah Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Program adalah kendalian Pusat Da'wah Islamiah melalui Urus Setia Program Keugamaan Belia dan Unit Dakwah Khas, Bahagian Pengembangan Da'wah dengan kerjasama Belia Muallaf Asy-Syahadah serta turut disokong oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Program antara lain bertujuan memberi pendedahan lebih mendalam mengenai da'wah serta menzahirkan corak kehidupan Islam di Negara Brunei Darussalam, khususnya kepada masyarakat bukan Islam.

Antara objektif lain adalah dengan memberikan peluang kepada para pengunjung untuk melihat masjid secara dekat, mengenali ibadah-ibadah yang dilakukan oleh umat Islam serta membuka ruang untuk berinteraksi bagi membetulkan sebarang salah faham mengenai Islam. ■

PESERTA SKIM BIMBINGAN LANJUTAN I MUALLAF MENERIMA SIJIL

Oleh : Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin



PENERIMA Sijil Skim Bimbingan Lanjutan 1 bagi Muallaf Siri Ke-109 (Lelaki) dan Siri Ke-110 (Perempuan) bagi Daerah Brunei dan Muara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Muharam bersamaan 10 Julai

- Seramai 163 orang saudara-saudara baharu yang telah menyertai Skim Bimbingan Lanjutan I Muallaf Siri Ke-109 (Lelaki) dan Siri Ke-110 (Perempuan) menerima sijil masing-masing di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Skim Bimbingan Lanjutan I bagi Muallaf Siri Ke-109 (Lelaki) dan Siri Ke-110 (Perempuan) yang diadakan serentak di keempat-empat daerah diungkuayahkan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dan Unit Da'wah di setiap daerah.

Skim Bimbingan Lanjutan I Muallaf Siri Ke-109 (Lelaki) dan Siri Ke-110 (Perempuan) dilaksanakan selama 14 hari, dari 23 Jun 2025 hingga 10 Julai 2025 kecuali hari Ahad.

Para peserta yang menerima sijil berkenaan terdiri daripada 48 orang peserta dari Daerah Brunei dan Muara, 47 orang dari Daerah Tutong, 44 orang dari Daerah Belait, dan 24 orang dari Daerah Temburong.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, majlis diadakan di Bilik Mau'izhah, PDI, dan hadir menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah

Pemangku Pegawai Ugama Kanan, PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Majlis yang sama juga mengambil tempat di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, dan hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pegawai Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Dayang Nur Diyana binti Dato Paduka Haji Md.Yussop.

Di Daerah Belait, majlis berlangsung di Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait. Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para



PENERIMA Sijil Skim Bimbingan Lanjutan 1 bagi Muallaf Siri Ke-109 (Lelaki) dan Siri Ke-110 (Perempuan) bagi Daerah Belait.



PENERIMA Sijil Skim Bimbingan Lanjutan 1 bagi Muallaf Siri Ke-109 (Lelaki) dan Siri Ke-110 (Perempuan) bagi Daerah Temburong.

peserta ialah Pegawai Ugama Kanan, PDI, Awang Roslan bin Haji Sulaiman.

Manakala di Daerah Temburong pula majlis diadakan di Pejabat Unit Da'wah Daerah Temburong, dan hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Ketua Unit Da'wah Daerah Temburong, Awang Haji Hazimin bin Haji Metali.

Antara objektif skim ini diadakan adalah untuk memberikan sokongan dari sudut moral, spiritual dan psikologi kepada peserta muallaf di samping membimbing para peserta untuk lebih memahami dan

menghayati ajaran agama Islam dalam kehidupan seharian mereka.

Sepanjang mengikuti Skim Bimbingan Lanjutan I, para peserta telah mempelajari subjek-subjek iaitu Iqra', Tauhid, Fiqh Solat (Sembahyang-sembahyang Sunat, Sembahyang Musafir dan Sembahyang Pesakit), Fiqh Munakahat (Perkahwinan), Sejarah Islam, Tasawwuf, Amali Agama, Teori dan Praktikal Pengurusan Jenazah dari Penggapai, dan Sesi Kongsisama dari Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga mengenai Isu Permasalahan Rumahtangga.

Demi menjaga dan memelihara kemaslahatan para muallaf di negara ini, PDI menyediakan beberapa program bimbingan khusus untuk para muallaf seperti Bimbingan Pengenalan Islam, Skim Bimbingan Asas (Melayu dan Inggeris), Skim Bimbingan Lanjutan I serta Skim Bimbingan Lanjutan II. Selain itu, Kelas Bimbingan Muallaf juga turut dibukakan secara mingguan di keempat-empat daerah termasuk Program Lawatan Tarbiyah Muallaf. ■



PENERIMA Sijil Skim Bimbingan Lanjutan 1 bagi Muallaf Siri Ke-109 (Lelaki) dan Siri Ke-110 (Perempuan) bagi Daerah Tutong.

TINGKATKAN KEFAHAMAN, KECINTAAN BELIA TERHADAP RASULULLAH

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Rabiulawal bersamaan 31 Ogos—Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah menganjurkan Program 'Ilm Series Siri ke-22, bertempat di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiah, Kampong Pulaie.

Program dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kecintaan para belia terhadap Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* melalui penghayatan sirah Baginda. Ia juga diadakan bagi menyemai semangat kepimpinan dan kesedaran sejarah Islam dalam kalangan Ahli Jawatankuasa Belia Da'ie dan Graduan Akademi Da'wah 5.0.

Selain itu, program ini menjadi platform interaktif bagi perbincangan, refleksi dan perancangan tindakan berdasarkan 'ibrah sejarah Islam, di samping menggalakkan penglibatan masyarakat umum dalam aktiviti keilmuan secara fizikal mahupun dalam talian.

Program dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pertama menampilkan

ceramah bertajuk 'Cinta Rasulullah: Ta'aruf Sekejap Sirah Baginda' yang disampaikan oleh Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi, Pegawai Perkembangan UGAMA, Pusat Da'wah Islamiah.

Antara topik utama yang dibincangkan termasuklah zaman jahiliyah, yang memperlihatkan keruntuhan moral, agama dan cara hidup masyarakat sebelum kedatangan Islam.

Penceramah turut menekankan tentang Era Mekah dan Da'wah Jahriyah yang berlangsung selama 10 tahun, ketika mana Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersama para sahabat menghadapi cabaran besar seperti fitnah, sekatan ekonomi serta penentangan daripada Quraisy dan Bani Thaif.

Selain itu, pengisian ceramah turut menyentuh tentang kualiti insan yang menerima Islam, iaitu sifat berani, rajin bekerja, produktif, serta berfikir secara matang dan kritis.

Nilai-nilai ini dilihat sebagai asas penting dalam melahirkan generasi muslim yang mampu memberi sumbangan

kepada agama, masyarakat dan negara. Sesi Pertama diakhiri dengan sesi soal jawab yang memberi ruang kepada para peserta untuk mendalami lagi kefahaman terhadap perjuangan awal Islam dan pengajaran yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan masa kini.

Ceramah dibukakan kepada Ahli Jawatankuasa Belia Dai'e, Alumni Akademi Da'wah 5.0 serta orang awam dan turut disiarkan melalui Instagram rasmi Belia Da'ie.

Sementara itu, Sesi Kedua mengandungi bengkel Stesen Rotasi 'Sejarah dan Perananku' yang dikhususkan untuk Ahli Jawatankuasa Belia Dai'e dan Graduan Akademi Da'wah 5.0.

Bengkel tersebut dilaksanakan dengan hasrat untuk memperkukuhkan kefahaman mendalam tentang sejarah Islam melalui pendekatan yang aktif, di samping menjana perbincangan, refleksi dan cadangan tindakan berdasarkan 'ibrah daripada sejarah Islam. ■

Diari Hidayah



Majlis
Pengislaman
JUL-SEP
2025

إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا

Maafumnya:

Sesungguhnya Kami telah menunjukkan jalan kepadanya (maka terserahlah kepadanya untuk memilih) sama ada dia bersyukur ataupun dia kufur.

Surah al-Insaan ayat 3




STATISTIK PENGISLAMAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2025

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.

Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.



ROMBONGAN DIKIR PUSAT DA'WAH ISLAMIAH BERSAMA MUALLAF DAERAH TEMBURONG

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



ROMBONGAN Dikir PDI bersama Muallaf Daerah Temburong diketuai oleh Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Penolong Pengarah PDI.

TEMBURONG, Sabtu, 7 Rabiulawal bersamaan 30 Ogos

— Bagi meningkatkan penghayatan beragama dan kecintaan terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dalam kalangan para muallaf di negara ini, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf) dan Unit Da'wah Daerah Temburong mengunyahkahkan Rombongan Dikir Pusat Da'wah Islamiah bersama Muallaf Daerah Temburong. Majlis tersebut diadakan di Balai Ibadat Kampong Sibut, Daerah Temburong.

Aktiviti tahunan ini antara lain bertujuan membimbing dan mengajak para muallaf untuk memperbanyakkan serta merebut kelebihan dan keutamaan berselawat serta mencontohi keperibadian yang ditunjukkan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah. Turut hadir, ahli-ahli Persatuan Saudara-Saudara Baru Daerah Temburong (PESAT) dan juga para muallaf dari Kampong Sibut.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah, diikuti dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah yang dipimpin oleh ketua rombongan.

Acara disusuli dengan tazkirah bertajuk Menyemai Rasa Cinta Kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang disampaikan oleh Awang Haji Abd Mu'iz bin Haji Amat, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah. Antara intipatinya ialah kepentingan setiap muslim menanam rasa cinta kepada Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bukan hanya melalui kata-kata tetapi juga melalui amalan seperti memperbanyakkan

selawat, meneladani akhlak mulia dan menghidupkan sunnah Baginda.

Dengan mencintai Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, ia akan mendorong umat menjadi insan yang berakhlak baik, penayang seperti Baginda serta beriman teguh dengan apa yang disampaikan oleh Baginda. Di samping itu, ia juga membawa kepada keberkatan hidup di dunia serta meraih syafaat Baginda di akhirat kelak.

Majlis turut diserikan dengan Dikir *Syarafil Anam* dan kemudiannya bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Acara diakhiri dengan Sembahyang Fardhu Isya' berjemaah. ■

